

SYARAT-SYARAT TEMPAHAN & MAKLUMAT BERKENAAN

TEMPAHAN DAN BAYARAN PENDAHULUAN

Tempahan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya 60 hari sebelum tarikh bertolak. Bayaran pendahuluan sebanyak RM1,000.00 seorang hendaklah di bayar semasa pendaftaran.

BAYARAN PENUH

Bayaran sepenuhnya hendaklah dibuat tidak kurang daripada 35 hari sebelum tarikh berlepas. Bayaran yang menggunakan cek hendaklah dibuat 40 hari sebelum bertolak.

BAYARAN TAMBAHAN UNTUK BILIK (PILIHAN)

Susunan bilik adalah ditentukan oleh pihak syarikat di setiap destinasi. Jika seseorang memilih untuk bersendirian ataupun disebabkan keadaan semasa atau memilih bilik yang lebih baik daripada yang disediakan untuk pakejnya, dia hendaklah membuat bayaran tambahan mengikut harga yang ditetapkan syarikat.

KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 2 TAHUN

Harga pakej tertakluk pada harga tiket penerbangan.

TAMBAH PAKEJ TERMASUK

- Penerbangan Kelas Ekonomi pergi dan balik.
- Pengangkutan pergi balik seperti tercatat dalam aturcara.
- Tempat penginapan seperti yang dimaklumkan atau yang setaraf dengannya.
- Jadual makan penuh 3 kali sehari kecuali Bulan Ramadan iaitu 2 kali sehari.
- Khidmat seorang Mutawwif atau pemandu pelancong.
- Cukai lapangan terbang.

Nota:

- Tiada pemulangan wang sekiranya jemaah/peserta tidak menggunakan sebarang perkhidmatan yang telah ditempah atau disediakan dalam pakej.
- Jemaah/Peserta dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang pertukaran tempat penginapan, aturcara dan lain-lain urusan semasa pakej sedang berjalan. Sebarang perubahan akan dikenakan caj tambahan mengikut harga yang ditetapkan syarikat.

PEMBATALAN & TIDAK HADIR

Sekiranya jemaah/peserta tidak hadir atau tidak terbang pada hari dan waktu yang ditetapkan – tiada pemulangan wang akan di buat.

Pembatalan adalah tertakluk kepada perkara 3.2.1 dan 3.2.2 Jadual Keempat Akta Industri Pelancongan 1992 seperti berikut:

PERKARA 3.2.1

Pembatalan 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas, fi pentadbiran minimum sebanyak RM30.00 atau 2% daripada tambang pelancongan (mengikut yang mana-mana yang lebih tinggi) seorang akan dikenakan.

PERKARA 3.2.2

22 - 44 hari sebelum tarikh berlepas	Perlucuthakan deposit pelancongan
15 - 21 hari sebelum tarikh berlepas	35% daripada tambang pelancongan
08 - 14 hari sebelum tarikh berlepas	50% daripada tambang pelancongan
03 - 07 hari sebelum tarikh berlepas	75% daripada tambang pelancongan
02 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas	100% daripada tambang pelancongan

Proses pemulangan wang adalah dalam masa 3 bulan dari tarikh permohonan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan syarikat.

DOKUMEN PERJALANAN (Serahan 35 hari sebelum bertolak)

Bagi pakej-pakej anjuran syarikat, dokumen berikut diperlukan untuk permohonan visa:-

- Passport antarabangsa - sah laku melebihi 6 bulan dari tarikh jemaah/peserta kembali ke Malaysia.

- Surat akuan kesihatan sebagai bukti telah mengambil suntikan pelalian yang diperlukan (mengikut nasihat doktor).
- Surat pengesahan mahram – jika perlu.
- 4 keping gambar (untuk permohonan Visa). Kelulusan Visa tertakluk kepada keputusan pihak kedutaan.

PASSPORT

Anda dinasihatkan supaya sentiasa membawa passport/dokumen perjalanan semasa berada di negara-negara yang dilawati. Bagi pakej umrah, passport akan disimpan oleh pihak syarikat dan peserta perlu memakai lencana (tag) pengenalan syarikat semasa di tanah suci.

PERLINDUNGAN TAKAFUL/INSURANS

Jemaah/peserta adalah digalakkan untuk mengambil perlindungan Takaful/insurans sendiri bagi melindungi diri dan barang-barang peribadi semasa dalam perjalanan.

MATAWANG

Matawang yang digunakan mengikut negara yang dilawati.

HARGA PAKEJ

Harga pakej tertakluk kepada harga tiket penerbangan dan pengurusan di setiap destinasi. Ia boleh berubah tanpa sebarang notis. Segala penambahan untuk harga pakej hendaklah dijelaskan sebelum bertolak ke destinasi. Harga pakej tertakluk kepada tukaran wang asing semasa pembayaran dibuat.

TIKET

Tiket yang telah dikeluarkan adalah tiket khas yang tidak boleh diendoskan dan tidak boleh dikembalikan atau diberi kepada orang lain. Hanya penumpang yang berdaftar sahaja yang boleh menggunakan tiket tersebut.

HOTEL DAN PENGINAPAN

Pihak syarikat tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian jika hotel/penginapan yang dijanjikan tidak dapat dipenuhi. Pihak syarikat akan mencuba sedaya upaya untuk mendapatkan hotel/penginapan yang setaraf dengannya. Pemilihan bilik untuk bersama keluarga hendaklah diberitahu kepada syarikat secara bertulis dan ia akan dilaksanakan mengikut kemampuan.

TANGGUNGJAWAB

Pihak syarikat hanya memberi perkhidmatan pengangkutan/penginapan dan lain-lain perkhidmatan yang telah disediakan di setiap destinasi. Lain-lain perkhidmatan adalah bergantung kepada kesediaan pihak ejen di setiap destinasi untuk menyediakannya. Pihak syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap kemalangan yang berlaku samada disengajakan atau tidak seperti kehilangan, kelewatan, bencana alam, kebakaran, rusuhan, peperangan atau apa jua jenis kesusahan, kesulitan, ketidakselesaan dan seumpamanya yang dialami dalam masa lawatan termasuk juga semasa perjalanan pergi dan balik sama ada melibatkan tubuh badan atau harta benda. Para peserta adalah terhalang dari mengambil apa jua jenis tindakan, tuntutan atau pampasan ganti rugi terhadap syarikat berikutan dari apa-apa perkara yang berbangkit atau yang berpunca dari pihak syarikat atau peserta sendiri. Pihak syarikat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa masalah/kesulitan yang membabitkan undang-undang kerajaan Malaysia atau pun negara yang dilawati kerana ianya di luar kawalan syarikat. Semua jemaah/peserta pakej mesti mematuhi segala undang-undang kerajaan Malaysia dan negara yang dilawati.

ATURCARA PERJALANAN

Setiap aturcara perjalanan yang disediakan oleh pihak syarikat adalah tertakluk kepada pindaan mengikut keadaan semasa (tanpa sebarang notis) seperti yang ditetapkan oleh pihak syarikat atau ejen syarikat.

Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010

Jemaah/Peserta bersetuju untuk maklumat mereka digunakan oleh syarikat mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi (2010).